



---

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI KONG CHO HA  
MENTERI PENGANGKUTAN  
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT  
DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2011-2015  
PADA 15 MEI 2012**

**DI BLOK D8 KOMPLEKS D PUTRAJAYA**

**8.30 PAGI**

---

Yang dihormati saudara dan saudari Pengerusi Majlis

YB. Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pengangkutan

Y. Bhg. Dato' Long See Wool,

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia

Yang Berusaha Puan Ruhaizah Mohamed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)

Y. Bhg. Dato' Yap Kin Sian,

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit serta warga kementerian.

Seterusnya rakan-rakan media yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat hadir ke majlis Perhimpunan Bulanan 1MOT bagi bulan Mei. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Komunikasi Korporat dan Unit Parlimen & Antarabangsa kerana berjaya menganjurkan majlis pada kali ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada pagi ini kita akan menyaksikan pelancaran kajian semula Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2011 – 2015 yang mana merupakan hasil semakan dan penambahbaikan terhadap Pelan Strategik 2008 – 2015 yang sedia ada. Pelan strategik serta kajian semula ini merupakan salah satu kriteria penilaian terpenting dalam Sistem *Star Rating* (SSR) yang akan dijalankan oleh Pasukan Inspektorat dan Pengiktirafan dari MAMPU dalam pertengahan bulan Jun 2012.

Sehubungan itu, inisiatif untuk melancar dan memperkenalkan pelan strategik yang baru pada hari ini adalah amat bertepatan dan merupakan satu langkah besar yang diambil bagi memartabatkan imej kementerian. Berlandaskan pelan strategik ini, kementerian akan memberikan komitmen untuk terus menyokong usaha bagi mempertingkatkan kualiti dalam sistem penyampaian perkhidmatan kementerian.

Pelan strategik yang terkini telah menggariskan sebanyak enam (6) teras strategik yang akan dijadikan sebagai pemacu untuk menuju ke arah pencapaian visi, misi dan objektif kementerian. Enam (6) teras yang dimaksudkan ialah Dasar pengangkutan yang holistik; Pelan infrastruktur yang komprehensif dan praktikal; Piawaian keselamatan, sekuriti dan alam sekitar; Sistem teknologi, komunikasi dan maklumat yang komprehensif; Modal insan yang unggul dan Tadbir urus yang baik.

Berpandukan kepada keenam-enam teras strategik tersebut, maka tidak dinafikan bahawa komitmen dan sokongan padu daripada semua warga kementerian dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi berkaitan merupakan faktor kritikal bagi penentu kejayaan dalam mencapai misi, visi dan objektif utama kementerian. Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama menggandakan usaha bagi memperkasakan peranan kementerian untuk mentransformasikan sektor pengangkutan yang lebih unggul dan berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tahun ini juga (2012) merupakan tahun terakhir Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu mempertingkatkan pengangkutan awam bandar (NKRA-UPT) dinilai dalam memastikan semua sasaran iaitu 25% Penggunaan Pengangkutan Awam dapat dicapai semasa waktu puncak pagi di Lembah Kelang.

Saya yakin dan percaya segala usaha yang dilakukan ini akan dapat dicapai dengan sokongan semua pihak khususnya warga MOT dan mereka yang berkenaan untuk terus berusaha dalam memastikan semua inisiatif yang dirangka akan siap dilaksanakan selewat-lewatnya awal suku ke empat tahun ini supaya pencapaian ini dapat dinilai sebelum akhir tahun 2012. Inisiatif NKRA-UPT di bawah 4 kategori utama iaitu Perkhidmatan Bas, Perkhidmatan Rel, Integrasi Terminal dan Pemantauan Prestasi adalah merupakan langkah awal untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang.

Kita berharap selepas semua kemudahan pengangkutan awam disediakan, maka, Kerajaan boleh memikirkan dan merancang untuk mengenakan “*push factor*” kepada pemandu yang memasuki pusat Bandar Kuala Lumpur. Ini akan dapat meningkatkan jumlah penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam sekaligus dapat mengurangkan kesesakan trafik di Lembah Kelang dan menjamin ke arah kualiti persekitaran yang hijau.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi sektor maritim pula, Unit Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri sepertimana beberapa Jabatan yang lain, terlibat di dalam inisiatif *Business Process Reengineering* (BPR) oleh pihak MAMPU bagi menambahbaik perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan. Dengan inisiatif ini dijangkakan proses pengeluaran lesen perkapalan dalam negeri dapat dipercepatkan lagi di samping prosedur kerja yang memberikan kemudahan kepada orang awam dalam urusan pelesenan kapal.

Pada hemat saya ini penting kerana peningkatan dalam sistem penyampaian adalah menepati dasar penting Kerajaan dan wajar diberi perhatian serius pada setiap masa. Bagi tempoh suku tahun pertama 2012 sejumlah 5.1 juta TEUs kontena telah dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan Malaysia berbanding 4.79 juta TEUs bagi tempoh yang sama 2011 iaitu peningkatan sebanyak 6.5%. Pencapaian ini adalah sangat menggalakkan dan saya percaya kita akan dapat mencapai sasaran 21.18 juta TEUs bagi tahun 2012.

Insiden protes oleh pemandu-pemandu *hauliers* di Pelabuhan Kelang pada 2 sehingga 4 Mei 2012 telah memberi impak yang besar kepada perkhidmatan pelabuhan dan perkapalan negara. Jalan menuju ke mana-mana pelabuhan mahupun lapangan terbang, perlu dipastikan sentiasa terbuka dan tidak dihalang. Dalam hubungan itu, saya ingin memperingatkan Kementerian dan agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian untuk sentiasa memantau peranan perkhidmatan setiap pemain logistik di bawah seliaan masing-masing untuk memastikan bahawa tidak ada sebarang isu dan masalah yang dihadapi oleh setiap mereka yang boleh menggugat kesejahteraan industri pengangkutan negara.

Sebelum mengakhiri ucapan sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada urus setia dan kepada tuan-tuan, puan-puan yang hadir pada pagi ini bagi menjayakan majlis perhimpunan bulanan pada kali ini.

Sekian terima kasih.